

WEBINAR: PERANAN DAN KEHEBATAN SRIKANDI DALAM DUNIA PERSILATAN MELAYU

Pada tanggal 13 Julai 2021, Jabatan Warisan Negara menerusi Bahagian Warisan Tidak Ketara telah menyempurnakan sesi khas Webinar Siri-4 bertajuk “Peranan Dan Kehebatan Srikandi Dalam Dunia Persilatan Melayu”.

Webinar kali ini telah menampilkan dua (2) panel jemputan yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran luas dalam gelanggang persilatan iaitu **Puan Bibi Aishah binti Golbal Shah** yang merupakan Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dan **Puan Zaharah binti Hatan** yang menyandang jawatan sebagai Ketua Dewan Srikandi Dunia Seni Silat Melayu Malaysia (DSSM).

Diskusi tersebut telah dikelolakan oleh Cik Siti Latifah binti Meor Azizul Rahman selaku moderator yang juga merupakan srikandi silat dari Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM). Pelbagai soalan yang menarik menyentuh tentang srikandi dalam dunia persilatan Melayu telah dikupas di sepanjang sesi webinar ini berlangsung. Antaranya termasuklah mengenai penerimaan dan penglibatan kaum wanita dalam dunia persilatan Melayu pada zaman dahulu dan kini, peranan dan usaha pihak PESAKA dan DSSM dalam memartabatkan pesilat-pesilat wanita, cabaran yang dihadapi kaum wanita dalam dunia persilatan dan lain-lain lagi.

Rakaman penuh siri webinar ini kini boleh ditonton melalui laman *facebook* rasmi Jabatan Warisan Negara.

PERANAN DAN KEHEBATAN SRIKANDI DALAM DUNIA PERSILATAN MELAYU



PANEL

**PUAN BIBI AISHAH BINTI
GOLBAL SHAH**
SETIAUSAHA AGUNG
PERSEKUTUAN SILAT
KEBANGSAAN MALAYSIA (PESAKA)



MODERATOR

**PUAN SITI LATIFAH BINTI
MEOR AZIZUL RAHMAN**
SRIKANDI PERSATUAN SENI
SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM)



PANEL

PUAN ZAHARAH BINTI HATAN
KETUA DEWAN
SRIKANDI DUNIA SENI
SILAT MELAYU MALAYSIA (DSSM)

SINOPSIS

Silat merupakan seni bela diri dan begitu sinonim dengan masyarakat Melayu. Silat telah bertapak di Nusantara sejak beratus tahun dahulu. Keunikan dalam setiap gerak langkah silat yang dipelajari dan diwarisi secara turun-temurun telah menjadi satu kemegahan buat masyarakat Melayu khususnya di Malaysia. Seni bela diri silat kini semakin meluas ke seluruh pelusuk rantau, negeri dan negara. Malah silat juga telah diiktiraf sebagai *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 12 Disember 2019.

Satu masa dulu, silat hanya sinonim dengan kaum lelaki sahaja sehingga menimbulkan pandangan tipikal bahawa kaum wanita tidak sesuai berada dalam dunia persilatan. Namun kini, kemunculan ramai pesilat wanita telah membawa satu perkembangan yang sangat positif dalam arena persilatan negara. Kini semakin ramai kaum wanita yang mula menunjukkan minat untuk mempelajari silat dengan lebih mendalam. Silat bukan sahaja sebagai aktiviti riadah malahan sebagai wadah untuk perlindungan diri. Sehubungan itu, webinar ini akan mengupas topik berkaitan penglibatan srikandi dalam dunia persilatan, cabaran dan masa depan srikandi silat di Malaysia.



13 JULAI 2021
SELASA 2.30 PETANG

SECARA DALAM TALIAN

JABATAN WARISAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA MALAYSIA



03-26127200



jabatanwarisannegara



jwninfo



jwninfo

www.heritage.gov.my

